

MEMAHAMI SEJARAH KEPIMPINAN POLITIK DI MATUNGGONG SEBAGAI ASAS PENTING MEMBANGUNKAN KOMUNITI RUNGUS

UNDERSTANDING THE HISTORY OF POLITICAL LEADERSHIP IN MATUNGGONG AS A FOUNDATION FOR DEVELOPING THE RUNGUS COMMUNITY

Azlan Raymond Majumah¹

Romzi Ationg^{2*}

Mohd. Sohaimi Esa³

Abang Mohd Razif Abang Muis⁴

Irma Wani Othman^{5*}

Saifulazry Mokhtar⁶

Nurulasyikin Muda⁷

¹Pejabat Pendidikan Daerah Kudat, Sabah, Malaysia, (E-mail: raymondmajumah@hotmail.com)

²Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (Email: mrationg@ums.edu.my)*

³Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: msohaimi@ums.edu.my)

⁴Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: amrazif@ums.edu.my)

⁵Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: irma@ums.edu.my)*

⁶Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my).

⁷Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: syikin@ums.edu.my).

* Corresponding Author

Article history

Received date : 25-3-2021

Revised date : 21-4-2021

Accepted date : 16-5-2021

Published date : 30-6-2021

To cite this document:

Majumah, A. R., Ationg, R., Esa, M. S., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Mokhtar, S., & Muda, N. (2021). Memahami Sejarah Kepimpinan Politik Di Matunggong Sebagai Asas Penting Membangunkan Komuniti Rungus. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 105-118.

Abstract: Sejarah merupakan aspek penting yang perlu dijadikan landasan bagi membangunkan komuniti sesuatu kawasan. Ini termasuklah sejarah politik yang melibatkan komuniti Rungus di Matunggong, Kudat, Sabah. Namun demikian, tidak semua pihak menyedari perkara ini. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui aplikasi teknik pengumpulan maklumat sekuler atau tinjauan literatur serta temu bual dengan sumber primer maka kertas kerja ini membincangkan tentang kepentingan sejarah politik dalam pembangunan komuniti masyarakat Rungus di Matunggong, Kudat, Sabah. Diharapkan kertas kerja ini dapat memberi peluang kepada para pengkaji mahupun pelajar

untuk memahami sejarah politik di Matunggong sebagai asas pembangunan komuniti Rungus serta menjadi bahan rujukan bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi.

Kata Kunci: *Sejarah Politik; Rungus; Tinjauan Literatur; Asas Pembangunan Komuniti Rungus*

Abstract: *History is an important aspect that needs to be used as a platform in developing a community located in any area. This includes the political history involving the Rungus community in Matunggong, Kudat, Sabah. However, not all parties are conscious of such an idea. Therefore, by using a qualitative approach through a technique of collecting secondary sources or the literature review, as well as interview with primer sources, this paper discusses the importance of political history in community development of Rungus community in Matunggong, Kudat, Sabah. It is hoped that this paper provides an opportunity for researchers and students to understand the political history in Matunggong as the basis for Rungus community development, as well as becoming a reference for teaching and learning activities in Higher Learning Institutions.*

Keywords: *History of Politics; Rungus; Literature Review; Foundation of Rungus Community Development*

Pengenalan

Semua cerita, peristiwa atau pengalaman yang telah terjadi atau telah dilalui, boleh mendewasa dan mematangkan. Sehubungan itu, peristiwa atau kejadian pada masa lalu harus dianalisis kesannya dari semua aspek, termasuklah kesan positif atau negatif agar dapat dijadikan iktibar pada masa hadapan. Di sinilah letaknya kepentingan sejarah dan kerelevannya untuk dihayati dan difahami agar dapat dijadikan dasar atau asas untuk memulakan sesuatu perancangan, termasuk untuk tujuan pembangunan sesuatu komuniti. Sebagai satu bidang ilmu yang penting dan sangat luas rangkumannya, sejarah telah dipelajari sejak sekian lama di sekolah-sekolah di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Pembelajaran sejarah bertujuan untuk memperoleh maklumat atau data pada masa dahulu untuk kegunaan masa kini dan akan datang. Apabila sejarah dikaitkan dengan politik, hal ini akan secara langsung melibatkan para pemimpin masa lalu sesuatu komuniti dan lokasi keberadaan komuniti tersebut.

Hal ini turut melibatkan sejarah politik yang melibatkan komuniti Rungus di Matunggong, Kudat, Sabah. Sekalipun demikian, perlu ditegaskan bahawa tidak semua pihak menyedari hakikat ini. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan membincangkan tentang kepentingan sejarah politik dalam pembangunan komuniti masyarakat Rungus di Matunggong, Kudat, Sabah. Adalah diharapkan supaya kertas kerja ini dapat memberi peluang kepada para pengkaji mahupun pelajar untuk memahami sejarah politik di Matunggong sebagai asas pembangunan komuniti Rungus serta menjadi bahan rujukan bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi.

Bagi tujuan tersebut, pendekatan kualitatif iaitu melalui aplikasi teknik pengumpulan maklumat sekunder atau tinjauan literatur dan temubual dengan sumber primer, digunapakai

bagi membincangkan tentang kepentingan sejarah politik dalam pembangunan komuniti masyarakat Rungus di Matunggong, Kudat, Sabah. Melalui penggunaan pendekatan tersebut, kertas kerja ini mengenengahkan beberapa tajuk utama bagi memastikan para pembaca mahupun pengkaji memahami tentang hal ini. Antara bahagian atau aspek penting yang diketengahkan meliputi definisi sejarah, definisi politik, sejarah politik, latar belakang komuniti Rungus di Matunggong, sejarah politik dan kepimpinan di Matunggong, daerah kecil Matunggong dan komuniti Rungus, kuasa politik dan kedudukan komuniti Rungus dalam tempoh 100 tahun, dan peranan Institusi Pengajian Tinggi.

Definisi Sejarah

Secara umumnya, sejarah adalah penyelidikan terhadap peristiwa lalu (Arba'iyah Mohd.Noor, 2006:3). Peristiwa-peristiwa yang telah berlalu itu mempunyai rekod-rekod dan catatan-catatannya yang tertentu yang mana peristiwa-peristiwa yang mempunyai rekod-rekod dan catatan-catatan yang tertentu itulah yang perlu dikaji oleh mereka yang pakar dalam bidang sejarah yang digelar sebagai sejarawan. Sejarawan inilah yang akan menyelidiki rekod-rekod dan catatan-catatan yang telah lalu tersebut, untuk mengkaji sejarah atau peristiwa yang telah berlalu. Oleh itu, segala rekod ini dan peristiwa yang telah berlaku itu biasanya dianggap sebagai sejarah. Malahan, menurut Arba'iyah Mohd. Noor (2006), ramai penulis sejarah menggunakan istilah sejarah untuk menunjukkan cerita sejarah, pengetahuan sejarah atau gambaran sejarah yang mana kesemua hal tersebut sebenarnya adalah sejarah dalam erti kata yang subjektif iaitu dengan memuatkan unsur-unsur dan isi-isi tulisan pengarang. Malahan, pengarang adalah pihak yang akan menentukan baik atau buruknya pengetahuan mahupun gambaran sejarah berdasarkan hasil gambaran beliau sendiri dengan memuatkan beberapa aspek seperti sifat-sifat atau gaya bahasa, struktur pemikirannya serta pandangannya berkaitan topik yang diketengahkan.

Menurut Arba'iyah Mohd. Noor (2006) lagi, berdasarkan gambaran awal (tradisional) tentang sejarah, beliau berpandangan bahawa sejarah adalah suatu pengkajian tentang perkara yang telah berlalu. Pengkajian tersebut perlulah jelas, kerana ianya: i) bukannya untuk keseronokan tetapi mempunyai unsur-unsur moral yang berharga dalam pembelajaran, serta ii) sejarah akan menjadi kesahihan atau penjelasan yang tepat melalui kaedah-kaedah saintifik yang mengekalkan 'objektiviti'nya dan kita boleh menentukan faktanya yang sebenar dan menerangkan perkara yang sebenarnya telah berlaku.

Arba'iyah Mohd. Noor (2006) seterusnya menjelaskan bahawa orang yang mula-mula sekali menggunakan perkataan sejarah atau *historia* ialah Herodotus¹, melalui karyanya *Histories* yang bermaksud penyelidikan atau penyiasatan terhadap segala peristiwa silam mahupun sezaman². Dalam hal ini, didapati bahawa Herodotus telah membuat pengkajian yang mendalam terhadap segala peristiwa yang dituliskannya agar karyanya menjadi karya yang berasaskan peristiwa yang sebenarnya berlaku. Beliau (Herodotus) telah mengumpul segala bukti tentang peristiwa pahit yang melanda Yunani (Perang Parsi-Yunani) untuk dijadikan tatapan generasi akan datang. Daripada penyiasatan yang dibuat itu maka sejarawan mengambil perkataan *historia* yang membawa maksud penyiasatan terhadap peristiwa lalu.

¹Arba'iyah Mohd.Noor, (2006 hlm.4) ada mengatakan bahawa Herodotus ialah 'bapa sejarah'.

²Arba'iyah (ibid), seperti yang dirujuknya daripada R. Suntharalingam. (1993). *Pensejarahan Barat*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm.1.

Manakala persoalan utama yang menjadi asas pengertian sejarah ialah segala peristiwa yang telah berlaku.

Definasi Politik

Istilah politik pula merupakan perkataan yang diambil dari bahasa Greek iaitu 'polis' yang memberi erti 'sebuah kota' atau *a city* (Abdul Rashid Moten, 1996; Zabidin Ismail, 2010:8). Dalam hal ini, pengertian umum 'polis' merujuk kepada 'pengurusan kenegaraan'. Istilah tersebut dikatakan mempunyai persamaan dengan bahasa latin yang menggunakan perkataan *politicos* atau *politica* yang bermaksud 'pengurusan pemerintahan' atau politik (Lukman Thaib, 1999; Zabidin Haji Islami, 2010:8). Malahan, David Eastone berpendapat baha politik ialah, "*the arena in which binding social value are 'allocated' that is, where competing prescriptious for public actions adjudicated and winning are translated into gains or rewards for certain group in the form of governmental policies*" (dlm Abrasian, 1970; Zabidin Islami, 2010:8). Bagi menyokong pandangan seumpamanya, Tom Bottomore (1983:1, terjemahan Hussain Muhammed) mengatakan bahawa sosiologi politik adalah kajian mengenai kuasa dalam konteks sosialnya. Apa yang dimaksudkan dengan 'kuasa' di sini ialah keupayaan individu atau sesuatu kelompok sosial untuk melakukan sesuatu bentuk tindakan bagi membuat dan melaksanakan keputusan, atau secara lebih luas lagi untuk menentukan langkah-langkah bagi membuat keputusan itu, yang sekiranya perlu, berlawanan dengan kepentingan dan malahan terpaksa menghadapi pertentangan daripada individu atau kelompok lain.

Sejarah Politik

Berdasarkan definasi sejarah yang dinyatakan di atas, iaitu penyelidikan terhadap peristiwa lalu yang mempunyai rekod-rekod dan catatan-catatan tertentu, yang dikaji oleh mereka yang pakar dalam bidang sejarah dan biasanya disebut sebagai sejarawan; kemudian dikaitkan dengan maksud politik, yang merujuk kepada pengurusan kenegaraan atau pengurusan pemerintahan yang melibatkan hak-hak rakyat dalam sesebuah negara, maka dapatlah dikatakan secara mudah bahawa sejarah politik ialah hal-hal berkenaan penyelidikan terhadap peristiwa dan rekod-rekod atau catatan-catatan yang berkaitan dengan pengurusan atau pemerintahan sesebuah negara.

Dalam konteks kertas kerja ini, penyelidikan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada penelitian terhadap kejadian atau peristiwa pada masa dahulu di Matunggong, yang membawa kepada keadaan masa kini bagi komuniti Rungus yang berada di dalam kawasan tersebut. Sehubungan itu, sejarah politik dalam konteks kertas kerja ini merujuk kepada perkembangan pembangunan komuniti Rungus yang boleh dikaitkan dengan kuasa yang diperolehi para pemimpin menerusi mandat rakyat (demokrasi) dalam tempoh masa lebih kurang seratus tahun, iaitu bermula dari 1920 berdasarkan catatan Derwent Kell (1984) menerusi bukunya *A Doctor's Borneo 1938-1945*; sehinggalah pada masa kini (2020).

Latar Belakang Komuniti Rungus di Matunggong

Sukar untuk menemui hasil penulisan atau kajian ilmiah mahupun bukan ilmiah yang memperincikan berkenaan latar belakang komuniti Rungus di Matunggong serta daerah Matunggong itu sendiri secara menyeluruh dan mendalam. Namun, terdapat beberapa hasil karya yang pernah diterbitkan dan menyentuh tentang Matunggong dalam bentuk bab dalam buku tertentu atau sub topik dalam buku sahaja. Malahan, tidak keterlaluan sekiranya

dikatakan bahawa kebanyakan tulisan berkait Matunggong dan komuniti Rungus di Matunggong adalah dalam bentuk majalah atau buku program sesuatu majlis atau acara di Matunggong seperti Pesta Kaamatan Matunggong, Pesta Gong Matunggong dan Pesta Magahau Matunggong. Turut ditemui ialah rencana-rencana ringkas di surat khabar dan penulisan-penulisan umum dalam bahasa Rungus.

Antara hasil karya yang dimaksudkan ialah buku terbitan Derwent Kell (1984). Derwent Kell (1984) dalam bukunya 'A Doctor's Borneo 1938-1945' ada menerangkan tentang keadaan tamu pada masa masa tersebut, kira-kira 10 tahun sebelum kedatangan G.N. Appell dan isterinya Laura Appell ke Matunggong pada akhir tahun 50-an. Menurut Derwent Kell,

"...The area was normally deserted except on tamu (market) days when the Dusun farmers and sea-going Bajaus met to sell or exchange their produce....About a hundred Rungus Dusuns had gathered for the Tamu and Clinic. As trading wandered about carrying lumpus of shark and stingray which they had obtained from the Bajau fisherman for coconut-shellfuls of native rice. The scene was colourful and I had the impression my patients-to-be had stepped straight from the pages of the National Geographic magazine. The men wore parangs - large knives with curved blades - in wooden sheath on their left hips. Before the Clinic commenced the mata mata (policemen) shouted an order, and these weapons were piled ostentatiously in an untidy heap in front of the rest house. Apparently there had been bloodshed at earlier Clinics. How small the women were! How shy! Their clothes were of dark linen, but some had brightly coloured bajus. Their heads were covered with folded towelling and their feet were bare. A small plug of tobacco projected from lips stained red from chewing betelnut and sireh leaf. Their teeth were black and filed. There were enormous spirals of brass round their legs, forearms and necks. These clinked most exotically as they moved about" (1984, m/s. 8-10).

Buku tulisan Derwent Kell (1984) ini boleh dijadikan dasar perbandingan dengan keadaan komuniti Rungus masa kini (2020) setelah melalui tempoh hampir seratus tahun, khususnya dalam aspek politik. Selaras dengan terbitnya buku ini maka beberapa buah buku seterusnya menyusul. Antaranya ialah buku *Female and Male in Borneo: Contributions and Challenges to Gender Studies* tulisan Laura W.R. Appell (2002). Melalui buku ini penulis cuba memberi gambaran menyeluruh tentang cara hidup berkelompok masyarakat Rungus di dalam rumah Panjang di daerah kecil Matunggong. Buku ini turut memperihalkan tentang amalan bercucuk tanam dalam kalangan komuniti Rungus serta penglibatan golongan wanita dalam aktiviti ekonomi yang telah memberikan kefahaman yang lebih mendalam lagi mengenai budaya kehidupan komuniti Rungus di Matunggong.

Selain itu, buku *Momogun Rungus Momogun Rungus Borneo Utara: Warisan Sastera dan Budaya Sabah* tulisan Raymond Majumah (2003) turut dapat dijadikan rujukan. Buku ini secara terperinci menjelaskan tentang kepimpinan tradisi di bawah *Lluka*, iaitu pemimpin di Matunggong yang pernah diberi gelaran '*Mamangku*', yang mungkin boleh dikaitkan dengan era penulisan Derwent Kell (1984). Walaupun buku ini lebih memberikan tumpuan terhadap elemen antropologi budaya komuniti Rungus di Matunggong, Kudat, persoalan politik dan pentadbiran British serta Jepun turut dimuatkan. Penulis juga telah merujuk buku *Sabah*

Colour Guide Kudat yang ditulis oleh Wendy Hutton (2003) dan diterbitkan oleh Natural History Publications yang telah membekalkan informasi tentang daerah Kudat, komuniti yang terdapat di sini, termasuk Rungus dan sejarah pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) yang berpusat (ibu negeri) di Kudat, sebelum berpindah ke Sandakan pada tahun 1883. Buku ini menambah kefahaman umum tentang Kudat dan Matunggong secara khususnya dari segi sejarahnya dan aktiviti ekonomi penduduknya.

Bab *Rungus*, tulisan Paul (2012) yang terkandung dalam buku *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah* yang diselenggara oleh Kntayya dan Paul sendiri turut memberikan penjelasan berkaitan komuniti Rungus dari segi organisasi sosial, kepercayaan, pandangan dunia dan perubahan kotemporari yang turut membantu meningkatkan kefahaman berkaitan komuniti Rungus. Buku-buku lain yang telah membekalkan informasi tentang komuniti Rungus ialah *Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Etnik Momogun Rungus* yang disunting oleh Joisin Romut, Denis J. Sading dan Flora Iban (2013), *Rungus Peribumi Momogun Sabah* tulisan Raymond Majumah (2015), *Sogit dan Amalan* tulisan Azlan Raymond Majumah (2021) dan pelbagai buku program dan risalah sesuatu acara atau majlis tertentu yang ada disebutkan dalam nota kaki yang berkaitan.

Daripada kesemua buku yang telah ditinjau, pengkaji mendapati tiada yang menjurus kepada intipati sejarah politik atau kepimpinan dalam kalangan komuniti Rungus. Jesteru, pengkaji memutuskan untuk memberikan tafsiran dan analisis secara tidak langsung terhadap semua bahan rujukan yang ada. Dalam masa yang sama penulis juga mengambil keputusan untuk berusaha melengkapkan hal tersebut berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sumber primer iaitu para pemimpin setempat yang pengkaji temui sepanjang proses kajian berlangsung melalui kaedah temu bual tidak berstruktur.

Sejarah Politik dan Kepimpinan di Matunggong

Jika keadaan masyarakat Rungus yang diperhatikan oleh Derwent Kell (1984) pada tahun 1940-an, yang pastinya tidak jauh suasananya pada tahun 1920-an, dan di bandingkan dengan keadaan komuniti Rungus di tamu Pekan Baru Matunggong (setiap hari Khamis), atau Pekan Lama Matunggong (setiap hari Sabtu), atau Pekan Sikuati (setiap hari Ahad) pada tahun 2000-2020 ini, apakah terdapat perbezaan yang jauh? Dalam hal ini Derwent Kell (1984) memerhatikan bahawa komuniti petani Rungus berjumpa atau saling berhubungan untuk menjual dan bertukar barang dengan orang-orang Bajau dalam bilangan kira-kira 100 orang, sambil mendapat rawatan di klinik berdekatan (Klinik Kesihatan Matunggong pada masa kini). Menurut Derwent Kell, antara barang dagangan termasuklah ikan, kelapa dan beras apabila beliau berkata,

"...The area was normally deserted except on tamu (market) days when the Dusun farmers and sea-going Bajaus met to sell or exchange their produce...About a hundred Rungus Dusuns had gathered for the Tamu and Clinic. As trading wandered about carrying lumpus of shark and stingray which they had obtained from the Bajau fisherman for coconut-shellfuls of native rice..." (1984, m/s. 8-10)

Sehubungan itu, pengkaji yang sering berkunjung di tiga tapak tamu yang telah disebutkan di atas antara tahun 2000 sehingga tahun 2020, berpendapat dan masih dapat melihat suasana yang dilihat oleh Derwent Kell pada tahun 40-an di tamu Pekan Lama Matunggong tersebut.

Justeru, apakah yang dapat disimpulkan secara mudah terhadap dapatan awal pengkaji ini? Di sinilah kaitan sejarah yang berhubung langsung dengan kuasa politik para pemimpin di kawasan ini, dalam tempoh seratus tahun tersebut.

Meneliti suasana politik di Matunggong, dan berdasarkan penceritaan sendiri oleh sumber primer iaitu beberapa pemimpin di Kawasan tersebut, pengkaji berpendapat bahawa perkembangan politik di Matunggong adalah dipengaruhi secara langsung oleh parti pemerintah di peringkat negeri yang sering berubah dan tidak menentu (Ationg, Zulhaimi, Ibrahim & Hashim, 2018). Dalam hal ini, sumber primer menegaskan bahawa kawasan Matunggong pernah ditadbir oleh USNO sejak tahun 1963. Kemudian parti Berjaya mengambil alih bermula tahun 1976. Seterusnya, menjelang tahun 1985, Parti Bersatu Sabah (PBS) telah mengambil alih kuasa pemerintahan di kawasan ini dan mula mencorakkan perkembangan dari segi pembangunan fizikal dan cara hidup komuniti Rungus. Pada tahun 1994, kawasan ini dikuasai oleh Barisan Nasional yang telah bekerjasama dengan parti PBS. Namun pada tahun 2018, gabungan parti Warisan-UPKO dan sekutu lainnya sempat berkuasa lebih kurang dua tahun di kawasan ini sebelum kuasa pemerintahan diambil alih oleh pemerintah masa kini, iaitu Gabungan BN-PBS-UMNO dan sekutu mereka yang lain.

Daerah Kecil Matunggong dan Komuniti Rungus

Berdasarkan penelitian sumber-sumber sekunder seperti buku, jurnal dan laporan rasmi kerajaan, didapati bahawa daerah kecil ini terletak di pertengahan antara daerah Kudat dan daerah Kota Marudu. Jarak daerah kecil ini dengan Bandar Kudat adalah lebih kurang 42KM sahaja³. Manakala jarak daerah kecil ini dengan Kota Marudu adalah sejauh 36KM. Keluasan daerah kecil ini pula adalah lebih kurang 260 – 263 KM persegi (ukuran tidak rasmi) iaitu bersamaan dengan ukuran 181,760 ekar atau 72, 704 hektar, dengan keluasan ini meliputi Kawasan bermula dari pekan Sikuati (salah sebuah pekan yang terletak di daerah kecil Matunggong) sehinggalah ke Kampung Toporoi (salah sebuah kampung yang terletak di daerah kecil Matunggong). Dari segi jumlah pendudukan pula, sebagaimana yang dicatat dalam Majalah Pesta Gong Matunggong tahun 2007, didapati bahawa terdapat 37, 987⁴ orang penduduk di daerah kecil ini. Daripada jumlah ini, 85% daripadanya adalah etnik Rungus, Bajau/Ubian merangkumi 10%, Iranun 3% dan selebihnya (2%) adalah etnik-etnik lain seperti Cina.

Dilaporkan juga bahawa terdapat hampir 80 peratus penduduk di daerah kecil ini beragama Kristian. Dari segi sejarahnya, jumlah penduduk keseluruhan masyarakat Rungus seperti yang direkodkan pada tahun 1970 (Banci Penduduk) ialah 10,881 orang (Sabah, 1980). Selepas itu, dalam bancian tahun 1980, etnik Rungus diletakkan sebagai salah satu daripada 26 kumpulan lain yang dikenali sebagai 'pribumi'. Pada tahun 1991, etnik Rungus dimasukkan dalam kategori bumiputera. Pengelompokan yang tidak konsisten ini menyebabkan sukar untuk mengetahui jumlah sebenar secara rasmi etnik Rungus di Sabah, khususnya di daerah kecil Matunggong ini (Paul, 2012, dalam Kntayya & Paul, 2012:111). Namun demikian, Paul menganggarkan jumlah etnik Rungus pada tahun 2012 adalah berjumlah sekitar 120,000 ke 150,000 orang.

³ Buku Program *Majlis Perasmian Bangunan Urusetia Kecil Matunggong* Oleh YAB. Datuk Yong Teck Lee Ketua Menteri Sabah pada 7hb. Disember 1996, hal. 24.

⁴ Majalah *Pesta Gong Matunggong* 2007, hlm. 12.

Menurut sumber primer yang ditemubual, serta berdasarkan maklumat daripada pelbagai jenis terbitan, daerah kecil ini mula diwujudkan oleh kerajaan negeri Sabah pada 1 Mac 1995. Daerah Kecil ini diwujudkan sebagai pusat penyelarasan dan pentadbiran masyarakat kampung yang berada di kawasan ini. Kewujudan daerah kecil ini membawa kepada pembinaan Pejabat Daerah Kecil Matunggong yang dibina di kawasan Kampung Sumangkap (salah sebuah kampung yang terletak di daerah kecil Matunggong) dan berdekatan kampung Pinawantai (salah sebuah kampung yang terletak di daerah kecil Matunggong) yang berfungsi untuk memberikan perkhidmatan dalam menyalurkan maklumat dan pembanguna kerajaan. Pejabat Daerah Kecil Matunggong ini telah menjadi agen pelaksana program-program dan projek-projek kerajaan untuk membasmi kemiskinan, pemodenan taraf hidup masyarakat luar bandar dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur demi untuk membangunkan masyarakat. Menyedari hakikat ini, Pejabat Daerah Kecil Matunggong ini terus komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab memperbaiki taraf sosial masyarakat di daerah kecil Matunggong.

Daerah Kecil Matunggong turut mempunyai satu kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu N.4-Matunggong dan kawasan Pilihanraya Parlimen P.147-Bandau. Walau bagaimanapun DUN N.4-Matunggong ini ditukar kepada DUN N.5-Matunggong pada Pilihanraya Negeri yang diadakan pada tahun 2020. Menurut pandangan penulis dan sumber primer yang telah ditemubual, pertukaran ini seakan menenggelamkan sejarah dan rentetan peristiwa yang berlalu sekian lama di N.4-Matunggong, khususnya setiap kali berlangsung sesi Pilihanraya bagi memilih wakil di Kawasan ini. Namun demikian, kuasa politik dan kedudukan komuniti Rungus dalam tempoh 100 tahun masoh boleh dibincangkan dan didokumentasikan.

Kuasa Politik dan Kedudukan Komuniti Rungus dalam Tempoh 100 Tahun

Kuasa kepimpinan politik dalam tempoh 100 tahun di kawasan Matunggong seharusnya hanya dapat perincikan bermula pada zaman penguasa tempatan dalam kalangan etnik Rungus iaitu sesudah pengaruh pentadbiran British di Sabah berakhir. Pada pandangan penulis dan sumber primer yang ditemubual, hal ini demikian kerana kepimpinan berasaskan kepartian hanya bermula pada tahun 1963 apabila negeri Sabah diberikan kemerdekaan oleh pihak British pada 31 Ogos 1963 dan akhirnya menjadi rakan sekutu Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Singapura bagi membentuk persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 yakni selepas mendapat persetujuan rakyat menerusi pungutan suara oleh Suruhanjaya Cobbold. Namun perlu ditegaskan bahawa pada tahun 1960an, daerah kecil Matunggong belum wujud pada masa ini. Sejarah membuktikan bahawa apa yang ada pada masa itu ialah perkampungan Matunggong sahaja iaitu perkampungan yang terletak di sepanjang aliran Sungai Matunggong (airan sungai dari hulu sehingga kuala yang mengalir masuk ke Teluk Marudu). Ketika tempoh tersebut iaitu sebelum tahun 1963, pemimpin atau ketua yang disebut sebagai *vozoon*, dalam bahasa Rungus, kemudiannya disebut *osukod* yang diiktiraf dengan memberikan terjemahan langsung sebutan ini sebagai gelaran, iaitu Orang Tua (O.T.) pernah di berikan kepada para pemimpin setempat di kawasan Matunggong.

Menurut sumber primer, pemimpin Rungus yang berkuasa pada masa itu ialah Lhuqa bin Mukai yang pernah diberikan gelaran '*Mamangku*' pada masa tersebut. Susur galur Lhuqa bermula daripada leluhurnya bernama *Kumparan*, yang melahirkan legasi kepimpinan di Matunggong, sebanyak tujuh keturunan seperti berikut: Tadu bin Kumparan (1) – Gumbiling

bin Tadu (2) – Mukai bin Gumbiling (3) – Lhuqa bin Mukai (4) - Bhurunsut bin Lhuqa (5) – Mogoui bin Bhurunsut (6) dan Manganjil bin Mogoui (7)... (Raymond Majumah, 2003: 37). Zaman atau tarikh yang tepat pemimpin tujuh keturunan ini tiada direkodkan kerana masyarakat Rungus tidak mempunyai system tulisan dan belum ada yang terpelajar pada masa tersebut. Namun, bagi tujuan membincangkan kepimpinan di Matunggong sehingga ke zaman kemerdekaan, pengkaji menganggarkan bahawa zaman pemerintahan tujuh keturunan ini bermula pada penghujung abad ke-18, sehingga pertengahan abad ke-19 yang berakhir sekitar tahun 1920-an iaitu apabila pihak British mula mendatangi daerah-daerah yang diperintah oleh pemimpin setempat ini. Jesteru, kepimpinan di Matunggong yang mempunyai rujukan yang tepat dan ada catatan sejarah bermula pada zaman kemerdekaan menerusi pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Malahan, jika ditinjau pada masa ini, parti pemerintah di Matunggong adalah seperti yang dapat diperhatikan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Parti Pemerintah di Sabah dan Tahun Mula Memerintah

Bil.	Parti Memerintah	Tahun Bermula
1	USNO	1963
2	BERJAYA	1976
3	Parti Bersatu Sabah (PBS)	1985
4	BN (UMNO-MCA-MIC-PBS DLL)	1994
5	Warisan-Plus	2018
6	Gabungan Rakyat Sabah	2020 (Pilihan Raya ke-15)

Sumber: Pengamatan pengkaji terhadap keputusan Pilihan Raya Umum Negeri Sabah.

Berdasarkan Jadual 1, adalah didapati bahawa parti yang pertama memerintah di Sabah ialah parti USNO, bermula pada tahun 1963. Ini diikuti parti BERJAYA yang mula mengambilalih tampuk pemerintahan negeri bermula pada tahun 1976. Pemerintahan negeri Sabah seterusnya diambil alih oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) yang mula memerintah pada tahun 1985, sebelum diambilalih kuasa pemerintahan oleh parti perikatan BN (UMNO-MCA-MIC-PBS) yang diterajui UMNO. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, gabungan parti Warisan-Plus pula sempat berkuasa lebih kurang dua tahun, sebelum tampuk pemerintahan negeri Sabah diambilalih oleh pemerintah masa kini, iaitu Gabungan Rakyat Sabah (GRS). Sehubungan dengan kewujudan parti-parti pada zamannya ini, perbincangan seterusnya ialah bagaimana parti-parti ini memberikan kesan kepada pembangunan kawasan Matunggong dan impaknya kepada komuniti Rungus pada zaman atau masa yang berkenaan. Secara ringkas kepimpinan politik bagi di daerah kecil ini dibincangkan mengikut era pentadbiran parti tertentu di Sabah.

Era Pentadbiran USNO

USNO adalah parti politik bumiputera tunggal di Sabah turut berpengaruh di Matunggong. Dalam pilihanraya umum yang diadakan pada tahun 1963, USNO bertanding di 48 kawasan dan menang di 20 Dewan Undangan Negeri, sama dengan United Pasok Momogun Kadazan Organization (UPKO) yang juga menang 20 kerusi. Lapan (8) kerusi lagi dimenangi oleh Sabah Chinese Association (SCA). Di Matunggong, calon yang menang ialah En. Onduru Matakim, iaitu calon UPKO.

USNO berjaya memerintah Sabah kerana bergabung dengan SCA, manakala UPKO menjadi parti pembangkang pada masa itu. En. Onduru Matakim yang telah menang atas tiket UPKO, melompat ke USNO. Setelah memerintah, penduduk Matunggong, terutamanya komuniti

Rungus berasa tidak selesa kerana USNO melaksanakan dasar pengislaman dalam kalangan penduduk peribumi di daerah ini. Sesiapa saja yang yang memeluk agama Islam akan mendapat keutamaan dalam segala aspek sosial. Menurut cerita Majuma Linsapu (mendiang), pelajar yang beragama Islam di sekolah-sekolah kerajaan akan mendapat bantuan seperti buku sekolah dan keperluan lain oleh pihak kerajaan. Disebabkan sentiment atau bantahan terhadap tindakan pemerintah seperti ini maka pentadbiran kerajaan USNO berakhir pada tahun 1976.

Era Pentadbiran BERJAYA

Parti Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) yang diketuai Tun Hj. Mohd. Fuad Stephens mendapat mandat untuk mentadbir Sabah selepas memenangi pilihan raya yang diadakan pada tahun 1976 dengan aspirasi atau manifesto politik iaitu akan memerintah Sabah dengan lebih baik berbanding USNO. Malangnya, Tun Hj. Mohd. Fuad Stephens telah terkorban bersama lima lagi pemimpin lain dalam tragedi nahas kapal terbang di Sembulan, Kota Kinabalu. Sejurus kejadian ini, Datuk Harris Salleh telah dilantik menjadi Ketua Menteri. Era pemerintahan BERJAYA berterusan apabila parti ini Berjaya memenangi pilihanraya yang diadakan pada tahun 1981.

Di Matunggong, pemimpin yang terpilih ialah Michael Wong yang telah menang dalam pilihanraya umum tahun 1976 menerusi parti BERJAYA. Walau bagaimanapun Michael Wong hanya bertahan sebagai pemerintah atau pemimpin selama satu tahun saja apabila beliau dilucutkan jawatan yang mana ini memberi peluang kepada kerajaan untuk mengadakan pilihan raya kecil di Matunggong pada tahun 1977. Calon BERJAYA, iaitu Amil Motinggi, dalam kalangan komuniti Rungus yang berasal dari Kampung Kondopi menang tanpa bertanding setelah pencalonan Michael Wong sebagai calon bebas ditolak pada sesi pilihanraya kecil tersebut. Walau bagaimanapun pemerintahan Amil Motinggi juga tidak dapat bertahan lama. Pemerintahan beliau hanya bertahan selama enam (6) bulan sahaja kerana beliau telah meletakkan jawatan. Dalam pilihan raya kecil kali ke-dua, pada tahun yang sama, George Majunting yang mewakili BERJAYA menang dalam pemilihan tersebut. Malangnya, George Majunting mengalami masalah kesihatan, iaitu lumpuh dan ini telah menyebabkan beliau gagal mentadbir Matunggong secara berkesan. Dalam pada itu, para sumber primer yang telah ditemubual, menegaskan bahawa keadaan ini adalah antara penyumbang kepada ketiadaan pembangunan di Matunggong dalam tempoh 3 tahun sesi pemerintahan George Majunting.

Pada pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1979, Michael Wong yang bertanding atas tiket BERJAYA telah sekali lagi berjaya memenangi kawasan Matunggong sekalipun mendapat saingan hebat dari wakil PASOK (Matius Majihi) dan USNO (En. Jamud). Era pemerintahan Michael Wong pada kali ini telah membawa perubahan yang besar terhadap kawasan Matunggong dan komuniti Rungus. Menurut sumber primer, semasa pemerintahannya, jalan-jalan raya dan jambatan dibina. Manakala infrastruktur asas yang rosak atau uzur pula telah dibaiki. Malahan projek perumahan diadakan dan ini menyaksikan terbinanya rumah panjang di kampung Tinangol, Narandang, Lajong, Gombizau, Hobut dan Tinutudan. Selain itu, sistem pendidikan juga turut dibangunkan dengan pembinaan sekolah-sekolah dan tadika di kawasan Matunggong. Pembinaan rumah-rumah panjang, sekolah dan tadika, jalan-jalan raya dan jambatan ini sedikit sebanyak telah membawa perubahan yang besar terhadap komuniti Rungus dan pembangunan fizikal bagi kawasan Matunggong.

Era Pentadbiran PBS

Parti Bersatu Sabah (PBS) yang diketuai Datuk Joseph Pairin Kitingan mengambil alih kuasa pemerintahan Sabah pada tahun 1985 yang mana kawasan Matunggong turut dimenangi PBS menerusi calonnya iaitu Mathius Majihi. Mathius Majihi turut mengulangi kemenangannya dalam pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1990. Kemenangan ini membolehkan beliau dianugerahkan gelaran Datuk oleh Yang Di-pertua Negeri Sabah. Dalam pilihan raya tahun 1990 itu, Datuk Mathius Majihi telah mendapat majoriti undi yang banyak iaitu 2,396, undi berbanding calon-calon lain seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2: Keputusan Pilihan Raya Umum Negeri Sabah 16-17 Julai 1990

Bil.	Calon bertanding	Parti	Jumlah undi
1	Mathius Majihi	PBS	4411
2	Mohd. Rosley bin Asantie	AKAR	1015
3	Johanny Kololong Sokuroh	PRS	753
4	Abbah bin Megimpal @ George	BERJAYA	324

Sumber: Pengamatan pengkaji terhadap keputusan Pilihan Raya Umum Negeri Sabah 16-17 Julai 1990.

Dalam pada itu, pembangunan di kawasan Matunggong berjalan dengan lancar dan menyeluruh ketika berada di bawah pemerintahan PBS menerusi kepimpinan Datuk Mathius Majihi ini. Pembinaan dan pembaikan jalan-jalan raya, jambatan, rumah-rumah panjang dan persendirian, mendirikan gereja, balai-balai raya, jambatan gantung, bangunan kraftangan dan sebagainya turut berlaku di Matunggong pada era pentadbiran beliau. Kemuncak kecemerlangan pentadbiran Mathius Majihi ini ialah apabila daerah kecil Matunggong yang ditandai dengan terbinanya Urusetia Kecil Matunggong dan sederet kedai di Pekan Baru Matunggong di kawasan berdekatan kampung Sumangkap diwujudkan. Sehubungan itu, komuniti Rungus semakin berubah dengan munculnya bilangan individu dari etnik ini yang berpendidikan tinggi serta berjaya mengisi jawatan di sector perkhidmatan awam dan swasta. Dalam masa yang sama, tidak kurang juga warga Matunggong dari etnik Rungus yang telah secara aktif melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan pertanian.

Era BN (UMNO-MCA-MIC-PBS-dan lain-lain)

Beberapa pemimpin silih berganti pada era ini, yang menyaksikan pembangunan pertanian dan tanah terbiar telah diusahakan. Sehubungan itu, ketika era BN ini, cara hidup penduduk Matunggong telah bertukar daripada bertanam padi untuk kegunaan sara hidup sahaja kepada perusahaan atau tanaman komoditi seperti getah dan kelapa sawit. Dalam masa yang sama, kilang-kilang dan perusahaan desa seperti industri kraftangan, tenunan, gubahan manik, minyak kelapa dara, pembuatan gong, ternakan madu dan prasarana pelancongan juga turut diwujudkan. Namun, apa yang semakin ketara dan dapat diperhatikan pada era tersebut ialah apabila rakyat sudah semakin bijak bersuara, mengemukakan tuntutan berkaitan keperluan dan hak masing-masing dan ini turut melibatkan komuniti Rungus. Malah sumber primer menegaskan bahawa bidang pendidikan ketika era ini telah mencapai tahap yang memberangsangkan jika dibandingkan keadaannya pada 30 tahun yang lalu. Ledakan teknologi maklumat dan informasi di hujung jari telah menjadi mercu tanda kemajuan dan kejayaan semua komuniti, termasuk Rungus di kawasan Matunggong. Kesemua nikmat seumpama ini wujud disebabkan para pemimpin kerajaan dan para pegawai perkhidmatan

awam sentasa bersedia untuk memberikan khimad bakti untuk memenuhi atau menyediakan hal-hal khusus mahupun umum yang diperlukan oleh rakyat di Matunggong.

Era Warisan-Plus

Menurut sumber primer yang telah ditemubual, sekalipun hanya memerintah selama lebih kurang dua tahun sahaja, para pemimpin di bawah kerajaan Warisan-Plus telah berjaya memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat. Berdasarkan pengamatan penulis sendiri, adalah didapati bahawa hal ini termasuklah penyediaan bantuan untuk mendirikan bangunan-bangunan untuk industri kecil di desa-desa, membina jalan-jalan luar bandar dan memberikan bantuan yang diperlukan oleh rakyat dalam suasana norma baharu akibat penularan pandemik Covid-19 di seluruh dunia, termasuk kawasan Matunggong dan komuniti Rungus. Ini bermakna, kepimpinan di Matunggong masih boleh dianggap baik Ketika era Warisan-Plus.

Era Kerajaan Gabungan Rakyat Sabah (GRS)

Kerajaan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) ini baru juga diberikan mandat untuk memimpin Sabah, termasuklah daerah kecil Matunggong. Rakyat berharap agar pemerintah baharu ini lebih berinisiatif dan mempunyai idea untuk membangunkan rakyat dan kawasan Matunggong, khususnya komuniti Rungus, agar dapat bersaing dalam semua bidang, untuk menguasai apa juga aspek, di semua peringkat.

Bertepatan dengan perincian sejarah kepimpinan di daerah kecil Matunggong ini maka adalah ditegaskan bahawa peranan pemimpin adalah amat signifikan dalam aspek pembangunan sesebuah kawasan. Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa hubungkait yang wujud diantara kepemimpinan politik dan pembangunan suatu komuniti dalam suatu Kawasan adalah amat signifikan. Implikasi hubungan tersebut sudah semestinya dapat dilihat melalui wujudnya pelbagai bentuk pembangunan yang meliputi pembangunan fizikal mahupun bukan fizikal. Perkara ini, antara lainnya, berlaku disebabkan hakikat bahawa seorang pemimpin dipilih oleh penduduk setempat dengan aspirasi khusus iaitu menghendaki pemimpin tersebut memainkan peranan yang berkesan dan teratur dalam membawa pembangunan untuk Kawasan yang diwakilinya. Sebagaimana menurut Ationg (2020), Ationg (2018), Mohd Sohaimi Esa, Ationg, Hiew, Abang Mohd Razif & Mohd Azri (2021) dan Ationg dan Tola (2011), pemimpin adalah pihak yang amat diperlukan oleh mana-mana organisasi mahupun komuniti. Ini disebabkan pemimpin adalah pihak yang biasanya melakukan tugas penting berkaitan urustadbir dan hal-hal lain yang berkaitan dengan proses pembangunan sosial, ekonomi dan politik di kawasan, komuniti atau organisasi tertentu.

Peranan Institusi Pengajian Tinggi

Menyedari tentang adanya hubungkait diantara perkembangan politik atau kepemimpinan politik dan pembangunan suatu komuniti dalam suatu kawasan, sebagaimana yang dapat dilihat melalui penelitian sejarah politik dan pembangunan komuniti Rungus di Matunggong ini, maka perlulah suatu tindakan lanjut dilakukan. Tindakan lanjut yang dimaksudkan sewajarnya merujuk kepada usaha menggunakan maklumat sedia ada sebagai asas kepada pembentukan polisi atau pelaksanaan pelbagai aktiviti untuk diaplikasikan di kawasan lain bagi kepentingan masyarakat setempat. Peranan seumpama ini, antara lainnya boleh dimainkan oleh pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pihak IPT boleh menggunakan maklumat sejarah yang ada sesudah dibuat penelitian yang lebih sistematik dan terperinci sebagai asas pelbagai

aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini perlu dilakukan bagi membolehkan percambahan idea dapat terus dilakukan. Malahan, adalah diyakini bahawa para pelajar atau penyelidik yang terlibat boleh mengambil inisiatif lanjut berdasarkan pengetahuan dan pemahaman mereka tentang perkara tersebut. Ini juga melibatkan aspek 'main peranan' dalam kalangan warga penyelidik di IPT untuk menyediakan kertas saranan dalam bentuk saranan pembentukan atau penambahbaikan polisi untuk diserahkan dan seterusnya digunakan oleh para pembuat dasar atau pihak pelaksana sebagai garis panduan pembangunan Kawasan luar bandar mahupun Kawasan bandar.

Kesimpulan

Kewujudan parti-parti politik yang melahirkan pemimpin setempat dan secara khususnya lahir dalam kalangan komuniti itu sendiri ternyata boleh membawa perubahan yang besar terhadap sesuatu komuniti, sebagaimana yang dibuktikan oleh Datuk Mathius Majihi dan pemimpin-pemimpin PBS selepas itu. Ini termasuklah Mendiang Datuk Markus Majihi, mantan YB Tuan Atung Mangabis, mantan YB Puan Jornah Mozihim, mantan YB Tuan Sarapin Magana dan pemimpin masa kini YB. Datuk Julita Majingki. Pada masa kini, Matunggong yang sudah menjadi daerah kecil yang memiliki sistem pentadbiran yang teratur dan berjaya memberikan kemudahan dan keselesaan kepada penduduk dan seluruh masyarakat di kawasan ini. Pentadbiran yang diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah (ADO) ini menunjukkan perubahan yang besar yang mampu memberikan bantuan yang lebih banyak dan menyeluruh di semua peringkat dan kawasan. Terdapat seorang Ketua Daerah (OKK) yang mengetuai urusan di Mahkamah Anak Negeri dan beberapa lapis pengurusan seperti Pemimpin Kemajuan Rakyat dan Pemaju Mukim, selain kepimpinan di peringkat kampung yang diketuai seorang Ketua Kampung yang dibantu oleh Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) atau dengan nama lain, dengan peranan dan tanggungjawab yang sama.

Berdasarkan perbincangan ini, bolehlah dirumuskan bahawa menerusi analisis sejarah politik, dapat dilihat perkembangan sesuatu kawasan dan komuniti yang berada di kawasan tersebut, sama ada berlaku perubahan besar atau sebaliknya. Dalam hubungan ini, jelas dapat diperhatikan bahawa kawasan Matunggong dan komuniti Rungus memang sudah jauh berubah, bertambah maju dan mara ke hadapan, dalam tempoh kira-kira seratus tahun seperti yang telah dibincangkan dalam kajian ini. Meskipun suasana yang dilihat oleh Kell Derwent Kell pada tahun 1940-an itu seakan masih sama dengan suasananya pada tahun 2020-an ini, namun pengunjung tamu-tamu tersebut tidak lagi berjalan kaki atau menaiki kerbau, sebaliknya menaiki pelbagai jenis kereta persendirian, yang mempunyai uasa beli, yang dapat melambangkan dengan sendirinya akan perubahan besar yang pangkaji maksudkan. Maka dengan perincian tentang sejarah politik yang turut menyentuh aspek kepimpinan politik komuniti Rungus di Matunggong ini diharapkan wujudnya peluang kepada para pengkaji mahupun pelajar untuk memahami sejarah politik di Matunggong sebagai asas pembangunan komuniti Rungus, serta dapat dijadikan bahan rujukan bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan dibawah geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2110 & TLS2105).

Rujukan

- Arba'iyah Mohd. Noor. (2006). *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ationg, R., Zulhaimi, N.A., Ibrahim, M.A. & Hashim, J. (2018). Leaders' Animosity and Leaders' Enviousness: An Analysis on Factor Associated with the Growing Tense Ethnic Relations in Sabah, Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 11(1), 75-81.
- Ationg, R. (2020). Political elites and ethnic politics. Birmingham, United Kingdom: Services for Science and Education Ltd.
- Ationg, R. (2018). Federal political elites and the expansion of ethnic politics to the periphery state of Sabah in Malaysia. Phd Theses, the Australian National University, Canberra, Australia.
- Ationg, A. & Tola, M. (2011). Isu etnisiti dan kepimpinan di Sabah. Dlm. aji Mahali, Saidatul Normis and Mohd. Tamring, Budi Anto (eds.), *Pluraliti dalam kearifan lokal di Sabah* (pp. 53-70). Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Azlan Raymond Majumah. (2021). *Sogit dan amalan*. Ayer Keroh Melaka, Melaka: SYFE Management Sdn. Bhd.
- Derwent Kell. (1984). *A Doctor's Borneo 1938-1945*. Tingalpa, Australia: Boolarong Publications.
- Joisin Romut, Denis J. Sading & Flora Iban. (eds.) (2013). Inventori budaya etnik negeri Sabah etnik Momogun Rungus. Kota Kinabalu: Lembaga Kebudayaan Sabah.
- Kntayya Mariappan & Paul Porodong (eds.) (2012). *Murut & pelbagai etnik kecil lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institit Terjemahan & Buku Malaysia (dengan kerjasama) Universiti Malaysia Sabah.
- Laura W.R. Appel. (2002). Sex roles Symmetry among The Rungus of Sabah. Dlm. Vinson H. Sutlive, JR (ed.), *Female and Male in Borneo: Contributions and Challenges to Gender Studies*, Monograf Series 1, Borneo Research Council Inc., Department of Antropologi, The College of William and Mary in Vergenia.
- Mohd Sohaimi Esa, Ationg, R., Hiew, W., Abang Mohd Razif Abang Muis & Mohd Azri Ibrahim. (2021). Narrating the story of Singapore in Malaysia history. *Linguistica Antverpiensia*, 456-473.
- Raymond Majumah. (2003). *Momogun Rungus Momogun Rungus Borneo Utara: Warisan sastera dan budaya Sabah*. Kota Kinabalu: SLC. Sdn. Bhd.
- Raymond Majumah. (2015). *Rungus Peribumi Momogun Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tom Bottomore. (1983) (Terjemahan Hussain Mohamed). *Sosiologi Politik* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wendy Hutton (2003). *Sabah cColour Guide Kudat*. Kota Kinabalu: Natural History Publications.
- Zabidin Haji Ismaii. (2010). *Pemikiran Politik dalam Novel Ahmad Boestamam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.